



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 68
No. 19

15hb September 2015

*TAMBAHAN No. 16
PERUNDANGAN*

Phg. P.U. 26.

**ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG
ISLAM 1991**

KAEDAH-KAEDAH DANA WAKAF PAHANG 2015

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENUBUHAN DANA WAKAF PAHANG

3. Penubuhan Dana

BAHAGIAN III

PENTADBIRAN

Kaedah

4. Pelantikan pegawai dan pengkhidmat

BAHAGIAN IV

PEWAKAFAN

5. Pewakafan

BAHAGIAN V

KEWANGAN DAN PENGURUSAN

6. Pengurusan Dana

7. Akaun, rekod dan audit

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

8. Sumbangan daripada orang bukan beragama Islam

9. Pengeluaran kupon

10. Pemansuhan Kaedah-Kaedah Saham Wakaf 1998, kecualian dan peralihan

JADUAL

ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM 1991

KAEDAH-KAEDAH DANA WAKAF PAHANG 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 116 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 [*Enakmen No. 3/1991*], Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Dana Wakaf Pahang 2015**.

(2) Kaedah-Kaedah hendaklah mula berkuat kuasa pada 15 September 2015.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Dana” ertiannya Dana Wakaf Pahang yang ditubuhkan di bawah kaedah 3;

“wakaf” ertiannya sesuatu pewakafan dalam bentuk wang tunai, cek, draf bank, kiriman wang atau wang pos, termasuklah emas dan perak.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN DANA WAKAF PAHANG

Penubuhan Dana

3. (1) Suatu dana yang dikenali sebagai Dana Wakaf Pahang yang hendaklah diletakkan di bawah Kumpulan Wang Khairat Am yang ditubuhkan di bawah seksyen 67 Enakmen.

(2) Dana hendaklah mempunyai maksud yang berikut:

- (a) untuk menyelaras, menerima, mengumpul dan mengurus apa-apa wakaf yang diterima sama ada daripada individu, kumpulan, sektor atau entiti swasta, Kerajaan Negeri atau Persekutuan bagi maksud membiayai atau melaksanakan mana-mana projek pembangunan hartanah di bawah bidang kuasa dan pentadbiran Majlis; dan

(b) untuk melaksanakan atau membiayai projek dan aktiviti berkaitan dengan kebajikan umat Islam dan diluluskan oleh Majlis.

(3) Dana hendaklah mengandungi—

(a) semua wakaf yang dibuat kepada atau atas nama Majlis oleh mana-mana orang;

(b) semua wakaf yang diterima daripada mana-mana anggota masyarakat atau mana-mana pihak yang boleh diterima bagi maksud tertentu yang ditentukan oleh Majlis;

(c) semua keuntungan atau dividen yang diterima daripada akaun bank yang semua wang Dana didepositkan di dalamnya; dan

(d) semua wang lain yang boleh dalam apa jua cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak dalam, Dana berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi atau kuasanya di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(4) Dana hendaklah dibelanjakan bagi maksud—

(a) membiayai atau melaksanakan mana-mana projek pembangunan harta tanah di bawah bidang kuasa dan pentadbiran Majlis; dan

(b) membiayai atau melaksanakan mana-mana projek atau aktiviti fizikal yang berkaitan dengan kebajikan masyarakat Islam dan diluluskan oleh Majlis.

BAHAGIAN III

PENTADBIRAN

Pelantikan pegawai dan pengkhidmat

4. Majlis boleh melantik sebilangan pegawai dan pengkhidmat Dana Wakaf sebagaimana perlu bagi maksud mentadbir dan mengurus Dana.

BAHAGIAN IV

PEWAKAFAN

Pewakafan

5. (1) Seseorang yang bercadang untuk membuat sumbangan secara wakaf hendaklah mengemukakan sumbangannya kepada Pengurusan Wakaf berserta dengan borang yang diperihalkan dalam Jadual.

(2) Pengurusan Wakaf hendaklah, sebaik menerima wakaf dalam subkaedah (1), mengeluarkan resit kepada penyumbang itu.

BAHAGIAN V

KEWANGAN DAN PENGURUSAN

Pengurusan Dana

6. (1) Dana hendaklah ditadbir, diurus, diselaras dan dikawal oleh Majlis.
- (2) Majlis hendaklah bertanggungjawab bagi mengadakan prosedur dan dasar pembiayaan, penyaluran bantuan dan penyumbangan bagi projek pembangunan harta tanah dan aktiviti.
- Akaun, rekod dan audit**
7. (1) Semua wang yang diterima atas nama Dana hendaklah didepositkan ke dalam akaun bank yang diluluskan oleh Majlis.
- (2) Semua cek yang dikeluarkan dari Dana hendaklah ditandatangani oleh Timbalan Yang Dipertua dan mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis.
- (3) Pegawai yang bertanggungjawab terhadap Dana Wakaf hendaklah menyimpan suatu rekod yang lengkap dan tepat mengenai penerimaan dan sumbangan wakaf dan hendaklah seberapa segera yang mungkin selepas 31hb Disember setiap tahun, mengeluarkan suatu penyata aktiviti yang dijalankan dalam tahun yang lalu berserta dengan penyata akaun Dana setakat 31hb Disember, akaun pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun yang sama dan senarai yang menunjukkan harga, jika dibeli, dan nilai anggaran pada 31hb Disember, dan mengemukakannya kepada Majlis.
- (4) Majlis boleh pada bila-bila masa menghendaki pegawai yang bertanggungjawab terhadap Dana untuk mengemukakan penyata kewangan dan penyata aktiviti Dana bagi tahun yang dikehendaki.
- (5) Kunci kira-kira tahunan, akaun pendapatan, perbelanjaan dan senarai pelaburan hendaklah dinyatakan dalam penyata kewangan Majlis.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

Sumbangan daripada orang bukan beragama Islam

8. (1) Seseorang bukan beragama Islam boleh memberi sumbangan kepada Dana dengan syarat maksud sumbangan itu tidak dinyatakan bagi perkara yang dilarang oleh Hukum Syarak.

(2) Pengurusan Wakaf boleh mengeluarkan resit khas bagi sumbangan daripada seseorang bukan beragama Islam yang diterima atas nama Dana.

Pengeluaran kupon

9. Majlis boleh pada bila-bila masa mengeluarkan kupon Dana Wakaf bagi maksud apa-apa kegunaan yang diluluskan oleh Majlis.

Pemansuhan Kaedah-Kaedah Saham Wakaf 1998, kecualian dan peralihan

10. (1) Bagi maksud kaedah ini, “tarikh ditetapkan” ertiinya tarikh yang dinyatakan dalam subkaedah 1(2).

(2) Pada tarikh ditetapkan—

- (a) Kaedah-Kaedah Saham Wakaf 1998 [Phg. P.U. 2/1998] yang disebut sebagai “Kaedah-Kaedah dimansuh” hendaklah dimansuhkan dan terhenti dari berkuat kuasa;
- (b) Tabung Amanah Wakaf yang ditubuhkan di bawah kaedah 8 Kaedah-Kaedah dimansuh hendaklah terhenti daripada wujud;
- (c) semua wang yang ada, dan kena dibayar kepada, Tabung Amanah Wakaf hendaklah dipindahkan kepada Dana;
- (d) semua dokumen berkaitan dengan Tabung Amanah Wakaf termasuk rekod akaun, penyata kewangan, penyata pendapatan dan perbelanjaan, saham wakaf dan resit wakaf hendaklah dipindahkan kepada dan disimpan oleh, Majlis;
- (e) mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Kaedah-Kaedah dimansuh hendaklah terhenti daripada wujud;
- (f) apa-apa surat ikatan, bon, perjanjian, surat cara dan aturan yang wujud sebelum tarikh ditetapkan dan menyentuh mana-mana wakaf yang diterima di bawah Kaedah-Kaedah dimansuh hendaklah mempunyai kesan seolah-olah Dana telah menjadi suatu pihak atau dinamakan di dalam ikatan, bon, perjanjian, surat cara dan aturan itu.

JADUAL

Kaedah-Kaedah Dana Wakaf PAHANG 2015

BORANG

(kaedah 5)

MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG
(PEWAKAFAN)

BAGI KEGUNAAN PEJABAT

Tarikh penerimaan:

No. Resit:

Rujukan fail:

NAMA:

NO. KAD PENGENALAN:

ALAMAT:

..... TEL:

AKAD WAKAF

Saya dengan ini mewakafkan kepada MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG dengan cara *wang tunai/cek/draf bank/kiriman wang/wang pos sebanyak

RM (Ringgit Malaysia:
.....)

atas nama DANA WAKAF PAHANG untuk selama-lamanya bagi diri saya sendiri / bagi pihak

No. KP: kerana Allah Taala.

.....
Tandatangan.....
Tarikh

*Potong jika tidak berkenaan

“Apabila mati anak adam, terputuslah amalannya kecuali tiga perkara – sedekah jariah (wakaf), ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakannya” (HR Muslim)

** Jumlah minimum wakaf: RM5.00

*** Segala pembayaran melalui cek/kiriman wang/wang pos/draf bank hendaklah ditulis atas nama **DANA WAKAF PAHANG**

Dibuat 11 September 2015
[M.U.I.Phg. 100/101/43-15; PUN.Phg.D/100/27/2]

Dengar titah perintah,

DATO' SRI WAN HAJI ABDUL WAHID BIN HAJI WAN HASSAN,
Timbalan Yang Dipertua,
Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang

ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW ENACTMENT 1991

PAHANG WAKAF FUND RULES 2015

ARRANGEMENT OF RULES

PART I

PRELIMINARY

Rule

1. Citation and application
2. Interpretation

PART II

ESTABLISHMENT OF THE PAHANG WAKAF FUND

3. Establishment of Fund

PART III

ADMINISTRATION

4. Appointment of officers and servants

PART IV

CREATING A WAKAF

5. Creating a wakaf

PART V

FINANCE AND MANAGEMENT

6. Management of Fund
7. Accounts, records and audit

PART VI

MISCELLANEOUS

8. Contributions from non-Muslims
 9. Issue of coupons
 10. Repeal of Kaedah-Kaedah Saham Wakaf 1998, savings and transitional
- SCHEDULE

ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW ENACTMENT 1991

PAHANG WAKAF FUND RULES 2015

IN exercise of the powers conferred by section 116 of the Administration of Islamic Law Enactment 1991 [*Enactment No. 3/1991*], His Royal Highness the Sultan, on the advice of the Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, makes the following rules:

PART I

PRELIMINARY

Citation and application

1. (1) These rules may be cited as the **Pahang Wakaf Fund Rules 2015**.
- (2) These Rules shall come into operation on 15 September 2015.

Interpretation

2. In these Rules, unless the context otherwise requires—
 - “Fund” means the Wakaf Fund established under rule 3;
 - “wakaf” means any creation of wakaf in the form of cash, cheque, bank draft, money order or postal order, includes gold and silver.

PART II

ESTABLISHMENT OF THE PAHANG WAKAF FUND

Establishment of Fund

3. (1) A fund known as the Pahang Wakaf Fund which shall be placed under the General Endowment Fund established under section 67 of the Enactment.
- (2) The Fund shall have the following purposes:
 - (a) to coordinate, receive, collect and manage any wakaf received either from an individual, group, statutory body, private sector or entity, State or Federal Government for the purpose of financing or implementing any real property development project under the jurisdiction and administration of the Majlis; and
 - (b) to implement or finance any project and activity which is related to the welfare of the Muslim community and approved by the Majlis.
- (3) The Fund shall consist of—
 - (a) all wakaf made to or in favour of Majlis by any person;

- (b) all wakaf received from any member of the public or any acceptable party for specific purposes as determined by the Majlis;
 - (c) all profits or dividends received from bank accounts in which all moneys in the Fund are deposited; and
 - (d) all other moneys which may in any manner become payable to or vested in, the Fund in respect of any matter incidental to its functions or powers under these Rules.
- (4) The Fund may be expended for the purpose of—
- (a) financing or implementing any real property development project under the jurisdiction and administration of the Majlis; and
 - (b) financing or implementing any physical project and activity which is related to the welfare of the Muslim community and approved by the Majlis.

PART III

ADMINISTRATION

Appointment of officers and servants

4. The Majlis may appoint such numbers of Wakaf Fund officers and servants as may be necessary for the purpose of administering and managing the Fund.

PART IV

CREATING A WAKAF

Creating a wakaf

5. (1) Any person who intends to contribute to the Fund by way of a wakaf shall submit his contribution to the Wakaf Management together with the form prescribed in the Schedule.

(2) The Wakaf Management shall, upon the receipt of the wakaf in subrule (1), issue a receipt to the contributor.

PART V

FINANCE AND MANAGEMENT

Management of Fund

6. (1) The Fund shall be administered, managed, coordinated and controlled by the Majlis according to the procedures set by the Majlis.

(2) The Majlis shall be responsible for formulating the procedures and policies of financing, channelling of aid and contributing for real property development projects and activities.

Accounts, records and audit

7. (1) All moneys received in favour of the Fund shall be deposited into the bank accounts approved by the Majlis.

(2) All cheques issued from the Fund shall be signed by the Timbalan Yang Dipertua and any officer authorised by the Majlis.

(3) The officer in charge of the Wakaf Fund shall keep a complete and accurate accounting record of wakaf receipts and contributions and shall as soon as possible after the 31st of December of every year, issue a statement of activities carried out in the previous year together with the statement of accounts of the Fund as at 31st December, income and expenditure account for the same year and a list showing the prices, if purchased, and the estimate value at 31st December, and submit them to the Majlis.

(4) The Majlis may at any time request the officer in charge of the Wakaf Fund to submit to the Majlis the financial statements and Fund activities statements for the year in question.

(5) The said annual balance sheet, income and expenditure account, and the list of investments shall be stated in the financial statement of the Majlis.

PART VI

MISCELLANEOUS

Contributions from non-Muslims

8. (1) A person who is not a Muslim may give contributions to the Fund provided that the purpose of the contributions is not specified for matters prohibited by the *Hukum Syarak*.

(2) The Majlis may issue a special receipt for the contribution from a non-Muslim received in favour of the Fund.

Issue of coupons

9. The Majlis may at any time issue Wakaf Fund coupons for the purpose of any use approved by the Majlis.

Repeal of Kaedah-Kaedah Saham Wakaf 1998, savings and transitional

10. (1) For the purpose of this rule, “appointed date” means the date set out in subrule 1(2).

(2) On the appointed date—

- (a) the Kaedah-Kaedah Saham Wakaf 1998 [Phg. P.U. 2/1998] which are referred to as the “repealed Rules” shall be repealed and cease to have effect;
- (b) the Tabung Amanah Saham Wakaf established under rule 8 of the repealed Rules shall cease to exist;
- (c) all moneys standing in, and due to be paid to, the Tabung Amanah Saham Wakaf shall be transferred to the Fund;
- (d) all documents pertaining to the Tabung Amanah Saham Wakaf including accounting records, financial statements, income and expenditure statements, wakaf shares and wakaf receipts shall be transferred to and kept by, the Majlis;
- (e) any committee established under the the repealed Rules shall cease to exist;
- (f) any deed, bond, agreement, instrument and arrangement subsisting immediately before the appointed date and affecting any of the wakaf property received under the repealed Rules shall have effect as if the Fund had been named therein or had been a party to such deed, bond, agreement, instrument and arrangement.

SCHEDULE

PAHANG WAKAF FUND RULES 2015

FORM

(rule 5)

MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG
(CREATING A WAKAF)

FOR OFFICE USE

Date of receipt:

Receipt no.:

File reference:

NAME:

IDENTITY CARD NO:

ADDRESS:

.....
TEL:

DECLARATION OF WAKAF

I hereby make a wakaf to the MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG by means of *cash/cheque/bank draft/money order/postal order/in the amount of RM (Ringgit Malaysia:)
.....) in favour of PAHANG WAKAF FUND in perpetuity on my behalf/on behalf of IC No. for the sake of Allah, the Almighty.

.....

Signature

.....

Date

*Delete if inapplicable

“When the son of Adam dies, his actions come to an end except three things, a continuing charity (wakaf), knowledge which gives benefit and a pious child who prays for him” (narrated by Muslim)

** Minimum amount of wakaf: RM5.00

*** All payments made by cheque/money order/postal order/bank draft must be made in the name of **DANA WAKAF PAHANG**.

Made 11 September 2015
 [M.U.I.Phg. 100/101/43-15; PUN.Phg.D/100/27/2]

By command,

DATO' SRI WAN HAJI ABDUL WAHID BIN HAJI WAN HASSAN,
Timbalan Yang Dipertua,
Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**



DICETAK OLEH
 PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
 KUALA LUMPUR
 BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA